

Ulasan Buku/*Book Review*

Industri dan Pembangunan Luar Bandar Kedah. Oleh Jabatan Analisa Ekonomi dan Polisi Awam, Monograf 2, Fakulti Ekonomi, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi. 1985. 114 halaman.

Monograf ini bertujuan untuk meneliti hubungan aktiviti perindustrian dengan pembangunan luar bandar di Kedah. Bab 1 membincangkan rangka teoretis mengenai strategi perindustrian dalam perencanaan pembangunan luar bandar dari perspektif Dasar Ekonomi Baru, iaitu untuk menseimbangkan jurang pembangunan antara wilayah, meningkatkan penyertaan orang Melayu dalam sektor perindustrian, dan ekoran daripada itu untuk lambat laun mengurangkan pola identiti pekerjaan dengan ras. Kedudukan negeri Kedah sebagai wilayah yang miskin dan relatif mundur dari pelbagai sudut ukuran material dihuraikan dengan jelasnya dalam Bab 2. Atas sebab kemelesetan inilah maka kerajaan telah memperkenalkan program estet perindustrian dengan harapan untuk membangunkan kawasan-kawasan terpilih. Dijangka bahawa estet-estet perindustrian berkemampuan untuk memainkan peranan sebagai pusat pertumbuhan ekonomi wilayah melalui proses penyibaran kesan rantai. Bab 3 meninjau kesan rantai ini berasaskan kepada jawapan yang diberikan oleh pegawai-pegawai syarikat, dan seterusnya Bab 4 dan 5 meneliti kesan penubuhan industri kepada pekerja dan kepada masyarakat dengan berpandukan pada jawapan dari temubual dengan sampel pekerja dan penduduk tempatan. Bab akhir merumus penemuan kajian dan membincangkan beberapa implikasi dasar.

Walaupun kajian ini menghadapi beberapa masalah yang berkaitan dengan mutu data (persampelan, kesahihan dan objektiviti), ia masih boleh dianggap penting atas dua pertimbangan. Pertama, kajian ini mengkaji kesan sektor perindustrian diperingkat mikro-wilayah yang juga sekaligus meliputi ciri-ciri operasi syarikat, perlakuan pekerja dan reaksi masyarakat sekitaran. Barangkali tidak keterlaluan kalau dikatakan usaha ini merupakan inisiatif pertama yang cuba mengisi kekosongan dalam jurang penekanan antara tumpuan para sosiologis (kepada isu-isu perlakuan sosial pekerja kilang), para ekonomi wilayah makro (analisis aggregat tentang sumbangan sektor berpandukan jadual input-output). Kedua, persoalan empiris yang dikemukakan adalah sangat relevan samada kepada pemikiran teoretis semasa mahupun kepada pemikiran dasar.

Penyelidikan tentang pola agihan faedah dari projek pembangunan setakat ini masih kurang memberi perhatian kepada ciri-ciri struktur sosiologikal. Perkara ini adalah penting kiranya usaha pembangunan

bertujuan untuk mengurangkan jurang sosial antara golongan Bumiputera dan bukan Bumiputera. Dalam hal ini walaupun kajian ini memperakui perpentingnya perbezaan pencapaian antara golongan etnik, liputan yang diberi nampaknya tidak begitu berkesan dalam menilai sama ada penubuhan industri secara keseluruhannya telah mengurangkan jurang pendapatan antara golongan etnik atau tidak. Umpamanya, walaupun ada perangkaan dikemukakan tentang pembahagian etnik dalam pekerjaan, data ini kurang lengkap kerana ianya tidak meliputi pekerja diperingkat eksekutif. Kajian ini juga tidak mengamati kedudukan ekuiti dan pola pembelian input (antara golongan etnik dan pemodal luar) atas alasan rahsia syarikat. hasil kajian mungkin dapat diperlengkapkan lagi kiranya sebahagian daripada pelajar-pelajar yang membantu penyelidik diarahkan mengkaji rekod-rekod syarikat di bahagian pendaftaran syarikat kerajaan pusat. Di samping itu mungkin satu kajian profil dapat dilakukan (secara ‘unobstrusive’ kiranya perlu) tentang operasi sebenar sesuatu syarikat bagi tujuan memahami sifat dan proses pengambilan pekerja, perolehan bekalan, dan pemasaran output.

Dengan cara kajian profil mungkin dapat dikesan sejauhmana kesan rantaian masih terus mengikut acuan rantaian etnik. Kalau ianya bersifat etnik maka kesan penubuhan industri mungkin sedang terus berkembang dalam bentuk yang terdapat pada zaman yang lampau yang sesungguhnya bercanggah dengan matlamat DEB. Umpamanya, kalau input kilang perabut itu membeli kayu hanya dari kilang papan yang dipunyai oleh pembekal dari golongan etniknya sendiri, dan menempatkan barang perabutnya hanya kepada pengedar dari golongan yang sama maka sudah tentunya kesan rantaian tersebut akan turut meningkatkan lagi jurang ekonomi antara etnik. Jika keadaan demikian berlaku secara meluas bukan sahaja perkembangan keusahawanan golongan etnik yang dikesampingkan boleh terbantut (seperti yang diakui dalam kajian ini : halaman 64), malah galakan fiskal yang ditawarkan oleh kerajaan merugikan hasil kutipan cukai sedangkan sokongan tersebut pada hakikatnya bercanggah dengan matlamat asal skim galakan tersebut. Pendekata dalam konteks masyarakat majmuk ciri-ciri etnik dalam proses ‘titisan ke bawah’ perlu didalami dengan lebih terperinci sebelum penilaian yang realistik dapat dibuat tentang keberkesanannya.

Kajian ini menilai kesan penubuhan industri berdasarkan pembelian dan penjualan langsung dalam kerangka input-output reruang. Kesan penubuhan industri tidak dibayangkan secara keseluruhannya. Perhatian diberi kepada kegiatan sokongan (ancillary) dalam sektor ini sementara kesan terhadap kegiatan sampingan (induced effects) tidak diberi perhatian yang jelas. Contoh di sini ialah kes suatu syarikat yang mengambil keputusan untuk membina sebuah hotel besar di Alor Setar pada akhir 1970-an atas beberapa pertimbangan khusus termasuk perekembangan estet industri yang dijangka akan membawa pelawat-pelawat ‘business’ ke bandar tersebut. Hal yang sama boleh juga dikatakan tentang percambahan penjaja makanan dan peniaga pasar

AKADEMIKA AKADEMIKA AKADEMIKA AKADEMIKA AKADEMIKA AKADEMIKA AKADEMIKA

Hantarkan pesanan tuan kepada: PENERBIT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA,
Send your orders to 43600 UKM, Bangi, Selangor, MALAYSIA.

<input type="checkbox"/> <i>Akademika</i> , Bil/No. 1 Julai 1972	M\$5.00	<input type="checkbox"/> <i>Akademika</i> , Bil/No. 16 Januari 1980	5.00
<input type="checkbox"/> <i>Akademika</i> , Bil/No. 2 Januari 1973	5.00	<input type="checkbox"/> <i>Akademika</i> , Bil/No. 17 Julai 1980	5.00
<input type="checkbox"/> <i>Akademika</i> , Bil/No. 3 Julai 1973	5.00	<input type="checkbox"/> <i>Akademika</i> , Bil/No. 18 Januari 1981	10.00
<input type="checkbox"/> <i>Akademika</i> , Bil/No. 4 Januari 1974	5.00	<input type="checkbox"/> <i>Akademika</i> , Bil/No. 19 Julai 1981	10.00
<input type="checkbox"/> <i>Akademika</i> , Bil/No. 5 Julai 1974	5.00	<input type="checkbox"/> <i>Akademika</i> , Bil/No. 20 & 21 Januari-Julai 1982	20.00
<input type="checkbox"/> <i>Akademika</i> , Bil/No. 6 Januari 1975	5.00	<input type="checkbox"/> <i>Akademika</i> , Bil/No. 22 Januari 1983	10.00
<input type="checkbox"/> <i>Akademika</i> , Bil/No. 7 Julai 1975	5.00	<input type="checkbox"/> <i>Akademika</i> , Bil/No. 23 Julai 1983	10.00
<input type="checkbox"/> <i>Akademika</i> , Bil/No. 8 Januari 1976	5.00	<input type="checkbox"/> <i>Akademika</i> , Bil/No. 24 Januari 1984	10.00
<input type="checkbox"/> <i>Akademika</i> , Bil/No. 9 Julai 1976	5.00	<input type="checkbox"/> <i>Akademika</i> , Bil/No. 25 Julai 1984	10.00
<input type="checkbox"/> <i>Akademika</i> , Bil/No. 10 Januari 1977	5.00	<input type="checkbox"/> <i>Akademika</i> , Bil/No. 26 Januari 1985	10.00
<input type="checkbox"/> <i>Akademika</i> , Bil/No. 11 Julai 1977	5.00	<input type="checkbox"/> <i>Akademika</i> , Bil/No. 27 Julai 1985	10.00
<input type="checkbox"/> <i>Akademika</i> , Bil/No. 12 Januari 1978	5.00	<input type="checkbox"/> <i>Akademika</i> , Bil/No. 28 Januari 1986	10.00
<input type="checkbox"/> <i>Akademika</i> , Bil/No. 13 Julai 1978	5.00	<input type="checkbox"/> <i>Akademika</i> , Bil/No. 29 Julai 1986	10.00
<input type="checkbox"/> <i>Akademika</i> , Bil/No. 14 Januari 1979	5.00		
<input type="checkbox"/> <i>Akademika</i> , Bil/No. 15 Julai 1979	5.00		

Pos/Postage:

Jumlah penuh/*Total price:* M\$

Pos/Postage: Tambahan/add M\$0.40 senaskhah/*per copy.*

Bayar bank draf/kiriman wang atas nama/*Make your bank draft/money orders payable to:* Bendahari, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Harap poskan jurnal kepada/*Please mail the journals ordered to:*

Nama/*Name:*

Jawatan/*Position:*

Alamat/*Address:*

Disertakan/*attached:* Bank draf/bank draft/Kiriman Wang/*Money Orders No:*

Tandatangan/*Signature:*

malam di kawasan estet perindustrian. dua contoh ini memperlihatkan kesan rantaian yang menjalar jauh ke hadapan dan ke belakang, yang tidak diberi perhatian secukupnya dalam kajian ini.

Komen tentang rantaian etnik dan kesan sampingan (tertiari) mungkin tidak wajar diketengahkan dalam tinjauan sebuah monograf yang serba kecil. Akan tetapi memandang kepada tujuan kajian iaitu untuk melihat kesan estet perindustrian dalam kerangka pemikiran DEB maka dirasakan kajian ini telah mengorbankan kedalaman isi untuk liputan yang lebih umum dan meluas. Barangkali ianya lebih berkesan kalau usaha ini ditumpukan hanya kepada penelitian kesan rantaian. Kalau pun golongan pekerja dan penduduk tempatan hendak diliputi untuk tujuan kursus pelajar, soalan yang dikemukakan seharusnya dapat turut mengukuhkan atau menggenapkan isu khusus tentang kesan rantaian tadi.

Dalam naskhah yang kecil pembaca juga, berhak mengharapkan mutu suntingan yang baik. Terdapat banyak kesalahan taipo termasuk ejaan satu konsep induk kajian ini iaitu ‘fizikal’ (sepatutnya fiskal) yang berulangkali dari awal hingga akhir, dan pada acronym bagi KEDA ditulis sebagai KADA (hlm. 29). Dua perkataan ini disebut kerana keselahannya membawa maksud lain yang boleh mengelirukan; kekerapan kesalahan taipo membayangkan seolah-olah buku ini tidak disunting secara serius.

Walaupun terdapat beberapa kelemahan kecil seperti di atas monograf ini adalah sumbangan penting, berguna dan harus dibaca oleh mereka yang berminat tentang tema ini termasuk pembuat dasar, perancang, pendidik dan pelajar.

**Abdul Kadir Haji Din,
Jabatan Geografi,
Universiti Kebangsaan Malaysia.**

